



DR. MAHATHIR MOHAMAD dan menteri-menteri Kabinet bergambar bersama wakil-wakil pekerja sektor awam dan swasta dalam sambutan Hari Pekerja 2019 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Akta 789: Lebih ramai dilindungi

Oleh **SOFIAN BAHAROM** dan **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 1 MEI

KERAJAAN bercadang memperluaskan pemakaian Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) agar lebih ramai golongan bekerja sendiri mendapat perlindungan daripada risiko kemalangan di tempat kerja sebagaimana pekerja dalam sektor formal.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Ini termasuk golongan nelayan, petani, pekebun kecil, penjaja, penggiat seni dan seumpamanya.

"Beberapa inisiatif yang dijalankan termasuk memantap dan menguatkuasakan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri meliputi perlindungan Skim Bencana Kerja.

"Ini adalah kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri atau individu menjalankan perkhidmatan seumpamanya seperti

Grab melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789)," katanya dalam amanat yang disampaikan pada Sambutan Hari Pekerja 20x9.

Bertemakan *Pekerja Amanah, Aspirasi Negara*, sambutan kali ini berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir menjelaskan, kerajaan menyasarkan peningkatan satu juta keanggotaan pekerja dalam kesatuan sekerja menjelang 2020.

Sehubungan itu, beliau berkata, bagi memastikan pekerja mengetahui hak mereka, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses meminda beberapa lagi undang-undang perburuhan.

"Undang-undang itu antaranya adalah Akta Kesatuan Sekerja 1959, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, dan Akta Kerja 1955," katanya.

Perdana Menteri berkata, tema itu menekankan bagaima-

na rakyat Malaysia khususnya warga pekerja perlu melaksanakan kerja dan tanggungjawab dengan prinsip amanah dan integriti bagi memacu kemakmuran negara dengan kepelbagaian budaya, bangsa dan agama.

Katanya, hubungan tripartisme yang baik antara kerajaan, pekerja dan majikan menjadi pendorong kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Sungguhpun ada ketikanya kita mungkin bercanggah pendapat, akhirnya penyelesaian menang-menang tercapai dan ini akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara," ujarnya.

Majlis yang dimeriahkan dengan kehadiran kira-kira 5,000 kakitangan sektor awam dan swasta itu turut dihadiri Menteri Sumber Manusia M. Kula Segaran, barisan menteri Kabinet, ketua-ketua setiausaha kementerian, wakil Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEE)